

**Najib Lancar Pusat Transformasi Luar Bandar Ketiga Di Melaka Pada Sabtu Bernama
08 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan merasmikan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) ketiga di Melaka pada Sabtu.

Menurut kenyataan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Khamis, RTC Melaka merupakan mekanisme utama dalam menjayakan Program Transformasi Luar Bandar (RTP), yang diperkenalkan kerajaan sejak Mei tahun lalu.

Sebelum ini, dua buah RTC telah dilancarkan iaitu RTC Gopeng, di Perak dan RTC Kota Bharu, Kelantan, masing-masing pada 18 Feb dan 4 Mei tahun ini yang jelas memberi manfaat kepada usahawan luar bandar di negeri berkenaan.

Inisiatif mewujudkan RTC bertujuan untuk mempercepat peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar secara bersepadu yang mana usaha ini melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta.

Di samping itu, di premis RTC sendiri pelbagai kemudahan disediakan dengan konsep satu hentian pelbagai perkhidmatan bagi memastikan RTC menjadi pemangkin untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk luar bandar, menurut kenyataan itu.

"Ia juga akan mempergiat aktiviti ekonomi usahawan luar bandar yang memberi manfaat kepada penduduk seterusnya meningkatkan pendapatan mereka," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, KKLW dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merupakan tonggak utama yang menerajui pelaksanaan program-program di bawah RTC. Ia turut disertai Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Melaka.

Katanya, ia selaras dengan hasrat kerajaan di bawah dasar Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang mengoptimum penggunaan sumber kerajaan dengan sistem penyampaian dasar kerajaan yang lebih efisien kepada rakyat.

Justeru, di bawah RTC Melaka, sebanyak sembilan inisiatif sedang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dengan agensi yang berkaitan bagi membangunkan kawasan luar bandar.

"Inisiatif itu ialah latihan kemahiran penduduk luar bandar, penubuhan kiosk informasi 1Malaysia, pertanian bernilai tinggi, pemprosesan produk agro makanan, pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian, kerjasama universiti, perkhidmatan kesihatan 1Malaysia, kemudahan pembiayaan kewangan dan agro pelancongan," katanya.

Agro pelancongan ialah inisiatif tambahan di RTC Melaka yang akan diselenggarakan kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Pelancongan.

"Ini bertepatan dengan negeri Melaka yang sememangnya terkenal didunia sebagai destinasi pelancongan sehingga mampu memperoleh kira-kira RM7.2 bilion setahun," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707952>